

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2025
UKUR BAHAN**

KOD : PJU021
SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK
TARIKH : 10 MAC 2025
MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJU021 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.


*Jawab satu (1) soalan **WAJIB** di Bahagian A dan mana-mana empat (4) soalan di Bahagian B.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

BAHAGIAN A

SOALAN 1

- a) Anggaran atau kawalan kos projek dalam peringkat kitaran hayat projek adalah merupakan perancangan kos yang dibuat melalui dokumen/borang khusus. Merujuk **Gambar rajah 1** di bawah, nyatakan dokumen/borang khusus bagi setiap peringkat tersebut.



Gambar rajah 1

(10 markah)

- b) Perancangan kos disediakan bagi menghasilkan anggaran kos projek yang efektif dan berpadanan dengan projek yang dirancang. Nyata dan huraikan secara ringkas **lima (5)** faktor yang mempengaruhi penyediaan anggaran kos projek.

(10 markah)

BAHAGIAN B

SOALAN 1

a) Terangkan **empat (4)** perbezaan antara dua jenis tender berikut:

- i) Tender terbuka
- ii) Tender pra kelayakan

(8 markah)

b) Huraikan secara ringkas kaedah perolehan berikut:

- i) Lantikan terus
- ii) *Requisition*
- iii) Sebutharga
- iv) Rundingan terus

(12 markah)

SOALAN 2

Dokumen kontrak adalah merupakan suatu dokumen yang merekodkan terma-terma kontrak bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkontrak secara bertulis.

a) Nyatakan tempoh maksimum penyediaan dokumen kontrak.

(2 markah)

b) Senaraikan **sepuluh (10)** kandungan dokumen kontrak yang berasaskan syarat-syarat kontrak JKR 203A.

(10 markah)

c) Nyatakan **empat (4)** tindakan pegawai semasa membuat pelarasan harga dalam penyediaan dokumen kontrak.

(8 markah)

SOALAN 3

Tajuk Projek : Pusat Pendokumentasian Dan Pemuliharaan Bahan-Bahan Pandang Dengar, Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, Kuala Lumpur

No Kontrak : JKR/IP/CKBA/70/2024

Nama Kontraktor : Kumpulan Awambiru Sdn. Bhd

Alamat Kontraktor : No. 18A, Tingkat Satu, Jalan Pandan Indah, 4/6A Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.

Harga Kontrak Asal : RM25,935,600.00

Wang Jaminan : RM1,296,780.00 (10% dari nilai diperakukan)
Pelaksanaan

Bilangan Interim : 1

Tarikh Penilaian : 25 Jun 2024

Ringkasan Penilaian ditapak :

Item	Huraian	Amaun Kontrak	Nilai Kerja Pembina
1	Preliminaries	3,612,660.00	1,336,687.00
2	Piling Works	886,240.00	25,000.00
3	Blok Pemuliharaan	8,614,100.00	
4	Kerja Mekanikal	6,583,961.00	
5	Kerja Elektrik	2,487,039.00	
6	External Works	2,596,600.00	350,000.00
7	Provisional Sum	1,155,000.00	
Jumlah		25,935,600.00	1,711,687.00

Jadual 3

- a) Berdasarkan kepada maklumat di **Jadual 3** di atas, sediakan perakuan bayaran interim (JKR 66) No. 1 bagi projek di tersebut.

(15 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- b) Senaraikan **lima (5)** dokumen yang perlu disertakan bersama JKR 66 semasa menyediakan perakuan interim no. 1.

(5 markah)

SOALAN 4

- a) Huraikan definisi perubahan kerja berdasarkan syarat-syarat kontrak JKR 203A.

(10 markah)

- b) Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- i) Perubahan kerja
- ii) Pelarasan harga kontrak
- iii) Kuantiti sementara
- iv) Wang peruntukan sementara
- v) Wang kos prima

(10 markah)

SOALAN 5

- a) Berikan **lima (5)** sebab yang membolehkan lanjutan masa kontrak diberikan mengikut syarat-syarat kontrak JKR 203/203A (Pind. 1/2010).

(10 markah)

- b) Nyatakan ^{lima (5)}~~empat (4)~~ perkara yang perlu dikemukakan oleh kontraktor bagi menyokong permohonan lanjutan masa.

10
(8 markah)

~~SOALAN 5 (sambungan)~~

- ~~e) Nyatakan empat (4) perkara yang perlu dikemukakan oleh kontraktor bagi menyokong permohonan lanjutan masa.~~

~~(2 markah)~~

SOALAN 6

Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- a) Perakuan siap kerja
- b) Penyiapan berbahagian
- c) Perakuan pendudukan separa
- d) Tempoh tanggungan kecacatan
- e) Perakuan siap membaiki kecacatan
- f) Ganti rugi tertentu dan ditetapkan
- g) Pelepasan wang jaminan pelaksanaan
- h) Caj ke atas kos (*On-cost charges*)

(20 markah)

SOALAN 7

Huraikan secara ringkas penggunaan borang-borang berikut:

- a) JKR 203A
- b) JKR 203
- c) PWD Form DB
- d) JKR 66
- e) JKR 66A
- f) JKR 203T
- g) JKR 203X
- h) JKR 203W
- i) JKR 203S
- j) JKR 203Y

(20 markah)

SOALAN 8

- a) Senaraikan **lima (5)** perkara yang perlu dilaraskan melalui perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi tujuan penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

(10 markah)

- b) Nyatakan **lima (5)** potongan yang perlu diambil kira semasa penyediaan Perakuan dan Bayaran Muktamad.

(10 markah)

SOALAN 9

- a) Nyatakan **empat (4)** kelewatan berserta klausa yang berkaitan berdasarkan syarat-syarat kontrak 203/203A.

(8 markah)

- b) Huraikan secara ringkas prosedur yang perlu dipatuhi oleh kontraktor dalam membuat tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan berdasarkan syarat-syarat kontrak.

(12 markah)
